

Sejarah Pengumpulan dan Penulisan Hadis Rasulullah SAW

Terdapat dakwaan bahawa semua hadis yang diambil daripada pengucapan dan perbuatan Rasulullah SAW tidak pernah ditulis dan dibukukan sejak Baginda masih hidup dan setelah kewafatannya kerana bersumberkan lisan semata-mata. Penyampaian hadis Rasulullah SAW juga diumpamakan seperti permainan kanak-kanak yang dikenali sebagai "telefon karat" atau "telefon rosak" kerana disampaikan secara lisan, yang pada akhirnya telah mengakibatkan berlakunya penyelewengan terhadap makna asalnya. Benarkah demikian?

Dakwaan tersebut telah dilemparkan oleh seorang orientalis bernama Montgomery Watt yang mempersoalkan tentang kredibiliti hadis Rasulullah SAW. Selain itu, keraguan terhadap keaslian hadis turut dicetuskan oleh Alois Sprenger, Ignác Goldziher dan C. Snouck Hurgronje. Mereka juga menegaskan bahawa hadis Rasulullah direka cipta oleh orang Islam bagi menyokong pegangan parti politik masing-masing.

Pada hakikatnya, kenyataan tersebut tidak benar sama sekali. Hadis bukanlah disampaikan secara lisan semata-mata, bahkan telah direkodkan dalam bentuk bertulis. Berdasarkan sejarah Islam, terdapat banyak catatan ulama Islam yang muktabar seperti Imam Malik bin Anas, al-Khatib al-Baghdadi, al-Dzahabi dan Ibn Hajar al-'Asqalani yang membuktikan bahawa proses pengumpulan dan pembukuan hadis berlangsung semasa hayat Rasulullah SAW.

Secara umumnya, hal tersebut telah melalui beberapa fasa sejak abad pertama hingga abad ketiga Hijrah, iaitu:

1 Abad Pertama Hijrah

Semasa abad pertama hijrah, Rasulullah SAW telah melantik beberapa orang sahabat sebagai penulis ayat al-Quran. Pada ketika ini, Baginda melarang mereka daripada mencatat hadis sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Sa'ad al-Khudri bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Janganlah kamu menulis tentangku (hadisku), dan sesiapa yang telah menulisnya, maka hendaklah memadamkannya." (Hadis riwayat Muslim).

Para sahabat patuh terhadap tegahan tersebut dan hanya memberikan fokus terhadap penulisan ayat al-Quran. Berdasarkan pendapat Ibn Hajar al-'Asqalani dalam *Fath al-Bari*, al-Khatib al-Baghdadi dalam *Taqyid al-'Ilm*, al-Sakhawi dalam *Fath al-Mughith* dan al-Suyuti dalam *Tadrib al-Rawi*, larangan tersebut dilakukan bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan para sahabat agar penulisan ayat al-Quran dan hadis tidak dicampuradukkan.

Di samping itu, al-Zahrani dalam *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyyah* menyatakan bahawa larangan tersebut ditujukan kepada golongan yang mempunyai ingatan yang kuat agar tidak terlalu bergantung pada penulisan semata-mata yang akan melemahkan daya ingatan mereka. Tambahan pula, pada ketika ini, penyampaian

Di samping pengumpulan dan penulisan hadis, para sahabat juga menggalakkan anak dan murid mereka agar mencatat, menulis dan merekodkan hadis dan ilmu lain bagi meneruskan budaya penulisan sebagai satu daripada disiplin penuntut ilmu.

hadis secara hafalan sangat diberi keutamaan dalam kalangan para sahabat.

Walaupun perbuatan tersebut dilarang pada peringkat awalnya, namun Rasulullah SAW kemudiannya telah memberikan keizinan supaya hadis ditulis bagi tujuan pembelajaran dan pemeliharaan ilmu. Keizinan ini berlaku setelah tiada lagi risiko berlakunya percampuran antara ayat al-Quran dengan hadis kerana para sahabat telah dapat membezakan antara kedua-duanya. Setelah keadaan berubah, larangan tersebut telah dimansuhkan, dan antara sahabat yang diperintahkan untuk menulis hadis termasuklah Abdullah bin Amru. Beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Tulislah. Demi Tuhan yang jiwaku berada pada tangan-Nya, tiada sesuatu pun yang keluar daripada mulutku kecuali kebenaran." (Hadis riwayat Abu Dawud).

Aktiviti penulisan hadis oleh Abdullah bin Amru turut diperakui oleh Abu Hurairah yang meriwayatkan bahawa, "Tidak ada seorang pun daripada sahabat Nabi Muhammad SAW yang lebih banyak hadisnya melainkan Abdullah bin Amru, kerana beliau menulis hadis dan menghafalnya, tetapi aku tidak menulis." Di samping itu, Abu Hurairah juga meriwayatkan bahawa pada hari pembukaan Kota Makkah pada tahun ke-8 Hijrah, ketika Rasulullah SAW sedang berkhotbah, seorang lelaki Yaman bernama Abu Syah bangun dan memohon agar dituliskan hadis baginya. Maka itu, Baginda bersabda kepada para sahabat, "Tulislah apa-apa yang aku sampaikan untuk Abu Syah." Ketika Baginda sakit sebelum kewafatannya, Ibn Abbas meriwayatkan bahawa Baginda bersabda, "Bawalah kepadaku kitab (peralatan menulis), dan tulislah untuk



Hasil pengumpulan dan pembukuan hadis yang berlaku semasa hayat Rasulullah SAW telah membolehkan kita merujuk kitab hadis tersebut hingga kini.

kamu kitab (hadis) agar kamu tidak sesat setelah peninggalanku.”

Dengan keizinan khusus yang diberikan oleh Baginda, maka hadis telah dikumpulkan oleh para sahabat dalam bentuk bertulis yang dikenali sebagai sahifah seperti catatan Abdullah bin Amru, iaitu *al-Sahifah al-Sadiqah*. Selain itu, terdapat juga catatan hadis oleh sahabat yang lain seperti *Sahifah Abu Bakr al-Siddiq*, *Sahifah Ali ibn Abi Talib*, *Sahifah Sa'ad ibn 'Ubadah*, *Sahifah Jabir ibn Abdullah*, *Sahifah Samurah ibn Jundub*, *Sahifah Abdullah ibn Abi Awfa* dan *Sahifah Abu Musa al-Asy'ari*. Kewujudan sahifah ini merupakan bukti kukuh bahawa penulisan dan pembukuan hadis secara tidak rasmi telah wujud sejak Rasulullah SAW masih hidup, dan sekali gus mematahkan dakwaan para musuh Islam yang mencetuskan kontroversi dalam perkara ini.

Setelah kewafatan Rasulullah SAW, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan sahabat sehingga mewujudkan dua golongan, iaitu golongan yang tidak menggalakkan aktiviti penulisan hadis dan golongan yang menggalakkannya. Oleh itu, tidak banyak sahifah hadis yang dihasilkan pada ketika itu melainkan yang ditulis atas inisiatif dan usaha individu itu sendiri. Antara sahifah yang dihasilkan termasuklah *Sahifah Hammam* atau *al-Sahifah*

al-Sahifah oleh Abu Hurairah. Sahifah ini mengandungi sebanyak 134 buah hadis sahih yang telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah, yang ditulis dan dikumpulkan oleh seorang tabiin bernama Hammam bin Munabbih. Di samping pengumpulan dan penulisan hadis, para sahabat juga menggalakkan anak dan murid mereka agar mencatat, menulis dan merekodkan hadis dan ilmu lain bagi meneruskan budaya penulisan sebagai satu daripada disiplin penuntut ilmu.

Seterusnya, perbezaan pendapat tentang keharusan penulisan dan pembukuan hadis juga berlaku pada zaman tabiin pada akhir abad pertama Hijrah. Walau bagaimanapun, menurut Ibn al-Salah dalam *Muqaddimah Ibn al-Salah*, perselisihan tersebut akhirnya selesai setelah mereka bersepakat untuk

meneruskan penulisan hadis kerana khuatir akan hilang dan pupus jika tiada sebarang catatan tentangnya. Maka itu, aktiviti penulisan dan pembukuan hadis mulai rancak dan berkembang pesat, dan sahifah yang dihasilkan telah mengatasi jumlah sahifah pada zaman sahabat. Antara sahifah yang dihasilkan termasuklah *Sahifah Basyir ibn Nuhaik*, *Sahifah Sa'id ibn Jubair*, *Sahifah Abi al-Zubair* dan *Sahifah Hisaham ibn 'Urwah*.

2 Abad ke-2 Hijrah

Pada abad ini, pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah mencetuskan suatu fenomena kegemilangan aktiviti penulisan dan pembukuan hadis. Beliau telah mengeluarkan arahan rasmi agar hadis dikumpulkan dan dibukukan oleh sebab kebimbangannya terhadap kehilangan hadis kerana banyak penghafal hadis mati syahid dan banyak yang telah bertebaran ke wilayah Islam yang terletak di lokasi yang jauh. Bilangan perawi hadis juga semakin berkurangan dan aspek penelitian terhadap periwayatan hadis juga tidak memberangsangkan. Di samping itu, umat Islam berhadapan dengan ancaman musuh Islam yang mula menyebarkan perkara bidaah dan khurafat yang pada akhirnya menularkan hadis palsu dalam usaha memesongkan akidah umat Islam.



Bagi mengekang perkara tersebut, maka Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah melantik Abu Bakar bin Amru dan Ibn Shihab al-Zuhri untuk mengumpulkan dan membukukan hadis. Namun begitu, tugas tersebut tidak sempat diselesaikan oleh Abu Bakar bin Amru kerana kematiannya dan usaha tersebut telah berjaya dilaksanakan oleh Ibn Shihab al-Zuhri. Beliau telah menghasilkan beberapa kitab hadis dan dihantar ke setiap jajahan negara Islam oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz untuk dijadikan rujukan bagi umat Islam pada ketika itu. Tindakan tersebut telah mendorong para ulama lain untuk meneruskan usaha pengumpulan dan penulisan hadis. Antara ulama yang telah menghasilkan kitab hadis termasuklah Ibn Juraij di Makkah, Malik bin Anas di Madinah, Sufyan al-Thauri di Kufah, Ibn al-Mubarak di Khurasan dan Ibn Salamah di Basrah.

Abad ke-2 Hijrah juga menyaksikan kelahiran kitab hadis yang ulung, iaitu *al-Muwatta' Imam Malik*, seterusnya diikuti oleh kitab *Musannaf Sufyan ibn 'Uyainah*, *Musannaf Syu'bah al-Hajjaj* dan *Musannaf al-Layth ibn Sa'ad*. Kitab hadis ini secara umumnya masih belum menyeluruh dan tidak disusun secara sistematik, bahkan terdapat percampuran antara hadis Rasulullah SAW, kata-kata para sahabat dan fatwa para tabiin dalam kandungannya.

3 Abad ke-3 Hijrah

Bagi meneruskan kesinambungan aktiviti penulisan kitab hadis sebelum ini, para ulama pada abad ke-3 Hijrah mengambil inisiatif untuk membaiki kelemahan yang terdapat pada kitab hadis yang dihasilkan pada abad ke-2 Hijrah. Mereka telah mengasingkan hadis Rasulullah SAW daripada kata-kata sahabat dan fatwa para tabiin. Seterusnya, terhasillah kitab hadis yang hanya mengandungi hadis Rasulullah SAW. Usaha ini dipelopori oleh Abu Dawud al-Tayalisi, diikuti oleh tokoh tabi tabiin seperti Ubaidillah bin Musa al-'Abasi, Musaddad al-Basri, Nu'aim bin Hammad al-Khuza'i, Ahmad bin Hanbal dan Ishaq bin Rahawaih. Pada ketika itu, satu-satunya kitab hadis yang termasyhur dan dijadikan rujukan utama ialah *Musnad Imam Ahmad* karangan Imam Ahmad bin Hanbal.

Walau bagaimanapun, kaedah tersebut masih mempunyai kekurangan kerana terdapat percampuran antara hadis yang sahih dengan hadis tidak sahih. Maka itu, ulama hadis telah mencipta kaedah baharu untuk mengasingkan hadis sahih, hadis daif dan juga hadis mauduk (palsu). Imam al-Bukhari merupakan individu pertama yang telah berjaya mengasingkannya dan beliau hanya memuatkan hadis sahih dalam kitabnya yang bertajuk *Sahih al-Bukhari*. Usaha ini kemudiannya disambung oleh Imam Muslim dengan kitab *Sahih Muslim*, seterusnya diikuti pula oleh Abu Dawud al-Sijistani dengan kitab *Sunan Abu Dawud*, Muhammad bin Sawrah al-Tirmidzi dengan *Sunan al-Tirmidzi*, Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i dengan *Sunan al-Nasa'i*, dan Muhammad bin Yazid al-Qazwini dengan *Sunan Ibn Majah*. Gabungan keenam-enam kitab ini dikenali sebagai *al-Kutub al-Sittah* yang berfungsi sebagai rujukan utama dalam bidang pengajian ilmu hadis hingga hari ini.

Menurut Ajaj al-Khatib dalam *Usul al-Hadith*, keseluruhan hadis telah selesai dikumpulkan pada akhir abad ke-3 Hijrah, dan *al-Kutub al-Sittah* telah mencakupi semua hadis Rasulullah SAW. Maka itu, berakhirlah fasa pembukuan hadis Baginda dan abad seterusnya lebih memfokuskan kepada usaha penyusunan, penghuraian, pengulasan dan pengklasifikasian hadis mengikut tema dan sebagainya. 🌱